

SABAH TIMES- 27.10.1999

Rabu 27 Oktober, 1999 5

## Sabah guna pendekatan profesional selenggara alam sekitar, kata Lajim

KOTA KINABALU: Sabah menggunakan pendekatan yang sangat profesional dan efisien dalam penyelenggaraan, pengekalan dan pemuliharaan alam sekitar di negara ini, kata Timbalan Ketua Menteri, Datuk Hj Lajim Hj Ukin.

Katanya, di bawah lembaga Pemegang Amanah Taman Taman Sabah misalnya kerajaan mewujudkan beberapa taman yang juga turut menyumbang kepada usaha penjagaan warisan khazanah germplasma di negeri ini.

"Penyelidikan dan kajian-kajian tertentu juga dilakukan untuk maksud ini sama ada secara "Smart Partneship" dengan Institut Pengajian tinggi (IPT) dalam dan luar negara misalnya dengan UKM, Unimas dan UMS sendiri," katanya ketika berucap di majlis simposium Genetic Resources of Borneo di salah sebuah hotel terkemuka di sini, pagi kelmarin.

Lajim yang juga Menteri Pembangunan Pertanian dan Industri Pemakanan turut mengagaskan kerajaan juga mempunyai kakitangan yang rasmi bagi menumpukan usaha memantau, menyelenggara dan menjaga sumber biologi semulajadi di negeri ini.

"Malah tidak keterlaluan dikatakan kerajaan dan rakyat negeri ini amat prihatin kepada penjagaan khazanah alam sekitar berbanding dengan beberapa negara membangun di rantau ini," katanya.

Bagaimana pun men-

urutnya, proses penjagaan alam sekitar itu sendiri memanglah menghadapi pelbagai cabaran kerana terdapat segelintir masyarakat tempatan dan pendatang asing yang tidak bertanggungjawab dengan melakukan pelbagai aktiviti haram mengancam kestabilan ekosistem alam sekitar.

Katanya, sikap masyarakat yang kurang prihatin seperti ini hanya menimbulkan masalah kepada usaha kerajaan untuk memulih alam sekitar, ia tidak memberi manfaat kepada rakyat, tetapi hanya memberi keuntungan segera kepada segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab.

"Kegiatan haram seperti ini perlu dibentasi hingga ke akar umbi, malah kerajaan akan sentiasa memantau dan menguatkuasakan undang-undang berdasarkan kuatkuasa undang-undang yang telah sedia ada," katanya.

Sementara itu ketika menyetuh mengenai isu pembangunan pesisir pantai Teluk Likas, Lajim berkata, kerajaan tetap meneruskan pembangunan yang telah dirancang sebelumnya secara berperingkat-peringkat dan berdasarkan keutamaan.

Katanya, keputusan itu dibuat setelah kerajaan mendapati ia tidak menimbulkan masalah alam sekitar, malah ia juga tidak mengganggu dan menjejaskan kawasan pantai yang digunakan untuk pelumbaan perahu naga yang dianjurkan di kawasan itu pada setiap tahun.